

**KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN  
(MAPO)**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Mengenai**

**MESYUARAT MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN  
ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN BILANGAN 1/2012**

---

**21 JANUARI 2012**

---

Mesyuarat pertama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran bagi tahun 2012 telah diadakan di Pulau Spring Resort Johor dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Semua ahli Majlis telah mengambil maklum akan perkara-perkara seperti berikut:-

1. Statistik kes-kes penguatkuasaan bagi pemerdagangan orang dari tahun 2008 sehingga 2011 adalah seperti berikut:-
  2. a) Jumlah kes sebanyak 416
  3. b) Jumlah tangkapan sebanyak 591
4. Statistik kes-kes pendakwaan dari tahun 2008 sehingga 2011 di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 adalah seperti berikut:
  - i. Kes yang telah dituduh sebanyak 383

ii. Kes sedang diperingkat bicara sebanyak 243

iii. Kes selesai sebanyak 59

iv. Sabitan sebanyak 60

5. Statistik mangsa yang telah diselamatkan dan mendapat Perintah Perlindungan Tetap (PO) sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

i. Lelaki: 261

ii. Wanita: 545

iii. Kanak-Kanak: 118

6. Statistik kes-kes penguatkuasaan bagi penyeludupan migran dari 15 November 2010 sehingga Disember 2011 adalah seperti berikut:

i. Jumlah kes sebanyak 22

ii. Jumlah tangkapan sebanyak 32

iii. Jumlah migran yang diseludup 427

7. Antara keputusan penting Mesyuarat adalah untuk menjemput pihak Jabatan Audit Negara bagi melaksanakan pengauditan ke atas

aktiviti MAPO dan NGO dalam usaha membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

8. Mesyuarat juga bersetuju untuk menandatangani persefahaman bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta rakan-rakan strategik antarabangsa bagi meneruskan komitmen memerangi jenayah ini.
9. Majlis Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) yang merupakan salah satu NGO di bawah MAPO telah mengadakan seminar pemerdagangan orang di Kukup, Pontian. Kawasan tersebut dipilih kerana ia merupakan laluan keluar masuk bot-bot kecil yang membawa penumpang dari Malaysia ke Tanjung Balai di Indonesia. Selain seminar ahli-ahli MAPO juga telah dibawa meninjau di sekitar kawasan tersebut di samping mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi penguatkuasa tempatan dan juga Pejabat Daerah Pontian.

6) Program seumpama ini membuktikan kerjasama erat antara agensi kerajaan, kerajaan negeri, NGO dan masyarakat setempat dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

#####

Disediakan : Sekretariat MAPO  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 8, Blok D2, Kompleks D  
Putrajaya  
No. Telefon : 03 – 8886 8000